



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 18/2018 dari 29 April hingga 5 May 2018)

Kes Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-18 iaitu bermula dari 29 April hingga 5 May 2018 menunjukkan penurunan. Sejumlah 1,037 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-18, penurunan 146 kes (12.3%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 1,183 kes. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi sehingga 5 May 2018 sebanyak 20,385 kes berbanding 33,144 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 11,759 kes (38.5%).

Terdapat satu (1) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Perak dengan peningkatan 10 kes (25.6%). Aktiviti pencegahan Denggi perlu terus dipergiatkan terutamanya penghapusan pembiakan nyamuk Aedes melalui pembersihan persekitaran di premis yang berisiko tinggi seperti taman mainan/rekreasi, tanah/lot kosong, projek terbengkalai, kilang/gudang dan tanah perkuburan.

Terdapat satu (1) kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-18, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 37 kematian, berbanding 80 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2017, pengurangan sebanyak 43 kematian (53.8%).

Jumlah lokaliti wabak semasa menurun sebanyak 41 lokaliti (10.3%), iaitu 357 lokaliti pada minggu ke-18 berbanding 398 lokaliti pada minggu sebelumnya. Pada minggu ke-18, terdapat 49 lokaliti hotspot melibatkan enam (6) buah negeri iaitu Selangor (39), WPKL-Putrajaya (4), Sabah (2), Pulau Pinang (2), Perak (1) dan Johor (1).

Terdapat lima (5) kes Chikungunya melibatkan negeri Kelantan dilaporkan pada minggu ke-18. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 5 May 2018 sebanyak 67 kes melibatkan 29 kes di Daerah Pasir Puteh, 26 kes di Daerah Tumpat, 4 kes di Daerah Kota Bharu, 2 kes di Daerah Kuala Muda, 1 kes di Daerah Sik, 1 kes di Daerah Meradong, 1 kes di Daerah Machang, 1 kes di Daerah Kangar, 1 kes di Daerah Sepang dan 1 kes di Daerah Penampang. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 1066 sampel darah dan lapan (8) sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Penyakit demam denggi dan Chikungunya merupakan penyakit yang mudah merebak melalui gigitan nyamuk Aedes. Namun begitu, penularan penyakit ini boleh diatasi dengan kerjasama semua agensi, jabatan dan masyarakat dengan melakukan aktiviti-aktiviti seperti (i) pemeriksaan dan penghapusan tempat pembiakan Aedes di tempat yang berpotensi seperti tayar, bekas tong, plastik, tin atau kaca di kawasan dalam dan luar rumah sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu, (ii) meletakkan bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas tadahan air yang sukar dikosongkan. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

17 May 2018

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 18/2018
(29 April hingga 5 May 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 18/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 18/2017	
		Minggu 18 (29 April – 5 May 2018)		Minggu 17 (22 – 28 April 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	2	0	4	0	84	0	66	0
2	Kedah	27	0	34	0	501	2	513	3
3	P. Pinang	51	0	58	0	1302	1	828	5
4	Perak	49	0	39	0	1116	2	2956	6
5	Selangor	616	0	686	0	11251	10	17579	27
6	WP KL & Putrajaya	93	0	119	0	1480	2	3173	13
7	N. Sembilan	24	0	24	0	410	0	1483	7
8	Melaka	4	0	4	0	167	0	640	0
9	Johor	91	1	93	0	1912	5	2376	10
10	Pahang	14	0	15	0	312	1	755	1
11	Terengganu	2	0	5	0	63	0	121	0
12	Kelantan	10	0	17	0	311	1	1423	2
13	Sarawak	3	0	7	0	173	1	519	3
14	Sabah	51	0	75	0	1284	12	708	3
15	WP Labuan	0	0	3	0	19	0	4	0
	MALAYSIA	1037	1	1183	0	20385	37	33144	80

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 18/2018
(29 April hingga 5 May 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Jelapang Jaya	38	113
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat E : Blok 47 - 54)	39	93
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	75	90
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang A : Blok G1 - G8)	42	89
5	SELANGOR	Gombak	Kip Bt 8	11	70
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Kristal)	17	59
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Mentari : Blok 1,2 & 3)	31	58
8	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 1 (Zon A)	17	54
9	SELANGOR	Klang	Kg Sg Udang (Rumah Murah)	13	52
10	SELANGOR	Gombak	Appt Palma Bch	16	51
11	SELANGOR	Klang	Kg Delek Kanan (Jln Lurah Said 1)	12	50
12	SABAH	Kunak	Kg Jaya Baru	27	48
13	P PINANG	Seberg Perai Tengah	Taman Seri Pauh	16	48
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres C : Jln 7/10 - 7/22)	8	48
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Baiduri)	23	48
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tropika 2 Taman Tropika	8	47
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	19	46
18	SABAH	Kunak	Kg Bagiang	6	44

19	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	16	43
20	P PINANG	Timur Laut	Desa Baiduri	8	43
21	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Kinrara 1 (Teres)	11	42
22	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 (Kg Paya Jaras Hilir : Jln Teratai 1 & 2)	10	41
23	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv3 (Zon B)	6	41
24	SELANGOR	Klang	Pulau Indah (Flat Bandar Armada Putra)	14	41
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Ruby : Blok E, F, G & H)	9	40
26	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Anggerik Tbr Bb	5	40
27	WPKL	Cheras	Flat Sri Penara	14	39
28	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo 1	12	39
29	SELANGOR	Klang	B.B.K Appartment Palm Ville	24	38
30	SELANGOR	Petaling	Pjs 11 (Spectrum Condo)	8	38
31	SELANGOR	Klang	Telok Gadong (Jln Telok Gadong 1)	10	38
32	SELANGOR	Klang	T.S (Lrg Dato Yusof Shahbudin 44)	24	38
33	SELANGOR	Klang	Taman Sri Sementa(Jln Sri Sementa 3)	18	38
34	SELANGOR	Gombak	Appt Casmaria	13	38
35	WPKL	Titiwangsa	Taman Sri Rampai A (Jln 1/26 - 12/26))	9	38
36	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8)	6	36
37	SELANGOR	Klang	Tmn Gembira (Lorong Hilir)	7	34
38	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Prima (Lotus@Teratai)	10	34
39	SELANGOR	Gombak	Tmn Permata Zon B	9	34
40	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pulai Utama_Flat Taman Pulai Utama	9	34

41	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	28	34
42	SELANGOR	Gombak	Appt Lily Rawang Perdana	10	34
43	SELANGOR	Klang	Taman Bayu Perdana (Appartment Sri Angkasa)	14	33
44	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Kuarters Hospital Shah Alam)	4	32
45	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Tenaga	13	32
46	SELANGOR	Kuala Langat	Pangsapuri Seri Saujana, Bsp	10	32
47	SELANGOR	Kuala Langat	Jalan Intan Kanan	15	32
48	WPKL	Lembah Pantai	Cangkat Bukit Bintang	5	31
49	SELANGOR	Petaling	Seksyen U17 (Kg Kubu Gajah : Jln Gajah 23)	6	31